

14/01/2002

Dua akhbar mohon maaf kepada Pas

SINGAPURA, Ahad - Akhbar Straits Times Singapura dan Jane's Intelligence Review memohon maaf kepada Pas berhubung satu artikel oleh majalah pertahanan itu yang melaporkan parti berkenaan mempunyai hubungan politik dengan rangkaian pengganas Al-Qaeda.

"Jane's Intelligence Review kini faham bahawa dakwaan itu tidak betul dan ingin menarik balik kenyataan itu pada kesempatan ini," kata editornya Chris Aaron dalam satu kenyataan semalam kepada Sunday Times, penerbitan milik Straits Times.

Majalah itu juga dalam laporannya itu menyatakan bahawa ibu pejabat Pas "mempamerkan poster Osama bin Laden yang menggambarkan pemikiran Pas terhadap Al-Qaeda."

Bernamea melaporkan, Sunday Times menyatakan Jane's Intelligence Review dan Straits Times, yang mengeluarkan semula artikel itu pada 4 Januari, juga ingin memohon maaf kepada Pas kerana menerbitkan dakwaan yang tidak betul itu.

Pas telah menafikan sebarang hubungan dan menuntut Straits Times memohon maaf.

Artikel yang sama telah menimbulkan kemarahan kerajaan Malaysia kerana melaporkan bahawa serangan 11 September di Amerika Syarikat dapat dielakkan jika Malaysia telah memintas dan menahan dua orang yang disyaki terbabit dalam serangan itu ketika mereka berada di Malaysia pada Januari tahun lalu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara ini tidak sepatutnya dipaksa berkongsi kesalahan itu kerana dua orang yang disyaki itu telah memasuki Malaysia sebagai pelancong.

Beliau berkata pihak berkuasa Amerika Syarikat sendiri sepatutnya menahan orang yang disyaki itu kerana mereka telah tinggal di negara itu selama hampir setahun sebelum serangan itu.

Pita pengawasan mengenai orang yang disyaki itu di Malaysia juga telah diberikan kepada Agensi Risikan Pusat.

Di KUALA LUMPUR, Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa, berkata parti itu menerima permohonan maaf akhbar Straits Times Singapura dan Jane's Intelligence Review.

Beliau yang dihubungi Berita Harian berkata, kekeliruan laporan itu berlaku disebabkan majalah berkenaan tidak pernah merujuk kepada Pas untuk mendapat maklumat sebenar.

(END)